

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DR KELVIN YII LEE WUEN**
[BANDAR KUCHING]
TARIKH : **22 OKTOBER 2019 (SELASA)**

SOALAN NO. 13

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan Kerajaan untuk memansuhkan atau meminda Kanun Keseksaan Section 309 dalam usaha untuk “Decriminalise Attempted Suicide” untuk menangani pertambahan kes-kes bunuh diri dan kesejahteraan mental (mental health).

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara sedang mengkaji undang-undang berkenaan dengan kesalahan persubahatan dan percubaan membunuh diri di Malaysia. Kajian ini masih di peringkat rundingan awal dengan pemegang taruh (*stakeholders*). Fokus kajian ini tertumpu kepada seksyen 305, 306 dan 309 Kanun Keseksaan [*Akta 574*] berkaitan dengan kesalahan bunuh diri.

2. Antara pemegang taruh (*stakeholders*) yang dirundingi ialah seperti yang berikut:

- (a) Kementerian Kesihatan;
- (b) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
- (c) Kementerian Pendidikan;
- (d) Kementerian Komunikasi dan Multimedia;
- (e) Kementerian Belia dan Sukan;
- (f) Polis Diraja Malaysia;
- (g) Jabatan Bomba dan Penyelamat;
- (h) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia;
- (i) Befrienders Kuala Lumpur; dan
- (j) Persatuan Psikiatri Malaysia.

3. Seksyen 305, 306 dan 309 Kanun Keseksaan adalah seperti yang berikut:

“Abetment of suicide of child or insane person

305. *If any person under eighteen years of age, any insane person, any delirious person, any idiot, or any person in a state of intoxication, commits suicide, whoever abets the commission of such suicide shall be punished with death or imprisonment for a term which may extend to twenty years, and shall also be liable to fine.*

Abetment of suicide

306. *If any person commits suicide, whoever abets the commission of such suicide shall be punished with imprisonment for a term which may extend to ten years, and shall also be liable to fine.”.*

Attempt to commit suicide

309. *Whoever attempts to commit suicide, and does any act towards the commission of such offence, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to one year or with fine or with both.”.*

4. Jabatan Peguam Negara juga sedang menjalankan kajian perbandingan peruntukan undang-undang bagi kesalahan yang serupa dengan kesalahan seksyen 305, 306 dan 309 di bawah Kanun Keseksaan dan pelaksanaannya di United Kingdom, Australia, Pakistan dan juga India bagi melihat pendekatan yang diambil oleh negara yang dikaji tersebut.

Sekian, terima kasih.